



Budaya dan Adat Mekar dalam Hati

Imbas Buku Teks: m/s 106 – 109



Modul DSKP

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Berbual menggunakan dialog di bawah dengan memasukkan kata ganti nama yang betul. ☐ Kelompok 2 – 1.4.3 ☐

Izham : Tahniah, Pei Shan! (1) _____
tumpang gembira atas kejayaan kamu
menjuarai Pertandingan Kebudayaan Peringkat
Daerah.

Pei Shan : Terima kasih. Kejayaan (2) _____
bukan milik saya seorang, malah milik rakan
sepasukan saya. (3) _____
telah berusaha bersungguh-sungguh untuk
memenangi pertandingan itu.

Izham : Benarkah Tuan Guru Besar menyediakan
khidmat jurutari profesional untuk pasukan
tarian kamu?

Pei Shan : Benar, Izham. Kami amat berterima kasih atas
usaha Tuan Guru Besar mendapatkan khidmat
jurutari itu. (4) _____ sentiasa
memberikan sokongan padu kepada kami.

Izham : Pasukan tarian kamu memang beruntung.
Tentu banyak ilmu yang dicurahkan oleh jurutari
(5) _____. Siapakah nama
beliau?

Pei Shan : Nama beliau Puan Mei Soo. Biarpun beliau seorang yang tegas, namun kami
dapat belajar banyak teknik tarian daripadanya.

Izham : Semoga kamu sepasukan berjaya dalam pertandingan peringkat negeri nanti
dan mengharumkan nama sekolah (6) _____ ini.

Pei Shan : Terima kasih. Doakanlah kejayaan kami.

IPOH, Isnin – Kelab Seni Budaya SJK (C) Taman Molek telah menjuarai Pertandingan Kebudayaan Peringkat Daerah dalam kategori tarian. Tarian kipas yang dipersembahkan berjaya memukau para juri dan juga penonton.

Menurut ketua pasukan, Pei Shan, mereka mendapat tunjuk ajar daripada jurutari profesional sebulan sebelum pertandingan. Khidmat jurutari tersebut merupakan usaha yang dilakukan oleh Tuan Guru Besar, Encik Robert Lim.

beliau

saya

kami

kita

itu

ini